

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kekal sebagai bandar teknologi hijau	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 27
TARIKH: 7 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)



PENGARAH Pusat Industri Inovasi, SIRIM Berhad, Azhar Abdul Raof menunjukkan baki sayuran yang akan dimasukkan ke dalam tangki penguraian menggunakan Sistem Pencernaan Anaerobik (AD) selepas majlis pelancarannya oleh Ismail Othman di Melaka Mall, Ayer Keroh, Melaka, kelmarin. - UTUSAN/AZLI AHAD

MPHTJ, SIRIM Berhad wujud Tapak Rintis Makanan Hijau

Kekal sebagai bandar teknologi hijau

Oleh **MOHAMAD HARITH MOHAMAD NIZAR**

utusanmelaka@utusan.com.my

■ MELAKA 6 SEPT.

MAJLIS Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dengan kerjasama Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Berhad mewujudkan Tapak Rintis Makanan Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik bagi memastikan keupayaan negeri ini kekal sebagai bandar teknologi hijau.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman berkata, langkah tersebut juga adalah menerusi projek mewujudkan Indusri Pembungkusan Green-Blue (GB).

"Pembungkusan GB adalah teknologi pembungkusan inovatif yang menggabungkan konsep biodegradasi dan pembaik-pulih sumber bagi menyokong

kelestarian alam sekitar serta perniagaan.

"Justeru, di bawah inisiatif itu, sistem pencernaan turut diperkenalkan di premis makanan hijau melalui pembungkusan GB bersama sisa makanan untuk menghasilkan biogas dan bio baja sebagai pendekatan pembaik-pulih sumber, seterusnya mengurangkan pelepasan gas hijau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan program Tapak Rintis Makanan Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik di sini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Murad Husin dan Naib Presiden Bahagian Penyelidikan Perindustrian SIRIM, Ir. Dr. Muhamad Jamil Sulaiman.

Menurut Ismail, setakat ini, projek tersebut dimulakan di Kompleks Melaka Mall, Ayer Keroh di sini dan Pasar Borong Batu Berendam sebelum diperluas ke kawasan lain melibatkan kesemua pihak berkuasa tempatan

(PBT) di negeri ini.

"Peniaga-peniaga makanan di Kompleks Melaka Mall tidak perlu lagi membeli gas memasak kerana boleh menggunakan gas yang dihasilkan menerusi sistem ini, manakala sisa organik daripada bangunan ini serta di pasar borong akan digunakan bagi menghasilkan baja," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, objektif projek menjurus kepada menggantikan sebanyak 30 peratus pembungkusan polisterina di pasaran pada tahun 2020.

"Pada masa sama, ia juga boleh mewujudkan rangkaian nilai industri pembungkusan GB yang menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Menerusi sistem ini, secara tidak langsung sebagai inisiatif mengurangkan beban tapak pelupusan sedia ada dan baik pulih ke atas sumber (sisa) bagi menyokong kelestarian alam sekitar serta perniagaan," katanya.